

**PEJABAT PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN**  
**OFFICE OF OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH MANAGEMENT**

Rujukan Kami : UPM/PPKKP/500-7/4/11  
Tarikh : 21 September 2020

Prof. Madya Dr. Eris Elianddy B. Supeni  
Presiden Kelab Sukan dan Sosial  
Fakulti Kejuruteraan  
Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM SERDANG

Tuan,

**KEBENARAN PENGANJURAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-14 KELAB SUKAN DAN SOSIAL FAKULTI KEJURUTERAAN (KSSFK), UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

Saya adalah dengan hormatnya menarik perhatian tuan mengenai perkara yang tersebut di atas.

2. Berdasarkan surat makluman pihak tuan mengenai Mesyuarat Agung Tahunan Ke-14 Kelab Sukan Dan Sosial Fakulti Kejuruteraan (KSSFK), Universiti Putra Malaysia bertarikh 11 September 2020 (No.Rujukan UPM/FK/KSSFK/2018-2020) dan selaras dengan arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) berkaitan penganjuran majlis atau program rasmi dan senarai aktiviti yang dibenarkan, pihak Pengurusan UPM melalui Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT-UPM COVID-19) telah memutuskan agar semua penganjur diminta mengemukakan surat beserta kertas kerja program kepada pihak Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (PPKKP) untuk semakan dan kelulusan.

3. Setelah meneliti semua dokumen yang dikemukakan berkaitan penganjuran program ini, sukacita dimaklumkan penganjuran mengenai Mesyuarat Agung Tahunan Ke-14 Kelab Sukan Dan Sosial Fakulti Kejuruteraan (KSSFK), Universiti Putra Malaysia pada 8 Oktober 2020 di Auditorium Jurutera Radin Umar, Fakulti Kejuruteraan, UPM adalah **DIBENARKAN** dengan syarat seperti berikut:

- i) memastikan peraturan-peraturan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) dan Prosedur Operasi Standard (SOP) terkini berkaitan aktiviti yang dibenarkan oleh MKN, Kementerian Kesihatan Malaysia dan UPM dipatuhi sepenuhnya sepanjang program berlangsung.
- ii) melantik seorang atau lebih urus setia khas sebagai pemantau pencegahan COVID-19 bagi membuat teguran dan memberi peringatan kepada peserta program yang melakukan pelanggaran SOP.

4. Selain itu, dimaklumkan juga bahawa pihak PPKKP akan melakukan pemeriksaan pada bila – bila masa bagi memantau pelaksanaan dan tindakan pencegahan COVID-19 yang dijalankan selaras dengan SOP yang sedang berkuat kuasa. Pihak kami juga boleh mengambil tindakan menghentikan serta-merta program tersebut sekiranya terdapat pelanggaran SOP yang jelas sepanjang program yang dijalankan.


Sekiranya pihak tuan mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan, boleh menghubungi Bilik Gerakan COVID-19 UPM di talian 03-97697999 atau saya di talian 017-7701806. Segala tindakan segera dan perhatian daripada pihak tuan diucapkan jutaan terima kasih.

2/..

Sekian.

**"BERILMU BERBAKTI"**

Saya yang menjalankan amanah,



**PROF. MADYA DR. MOHD RAFEE BIN BAHARUDIN**  
Pengarah  
Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan  
Universiti Putra Malaysia

s.k: Naib Canselor UPM  
merangkap Komander Insiden Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT-UPM)  
Pengarah, Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi (CoSComm)